

# BULETIN

# PERPUSTAKAAN

## GALERIUM MEMACU WARISAN UTM – DVC

Galerium adalah gabungan ‘galeri’ dan ‘muzium’, cetusan ilham Naib Canselor ke tiga iaitu Y.Bhg. Tan Sri Datuk Zaharuddin bin Idrus.

Lawatan kerja Naib Canselor, Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Omar ke Galerium UTM pada 2 Jan 2017 mengisyaratkan bahawa warisan UTM harus dimartabatkan melalui galerium sehingga mampu menjadi sumber rujukan penyelidik terhadap sejarah transformasi Universiti merentasi pelbagai era.



Hari lawatan: Ahad-Khamis

Jam : 8.00 pagi – 5.00 petang

## Merekabentuk Perkhidmatan Perpustakaan Demi Kelangsungan Universiti – Ketua Pustakawan

Dalam mendepani cabaran masakini, Ketua Pustakawan, Dr. Hajjah Kamariah Nor Md Desa, menyeru Pustakawan untuk merekabentuk semula perkhidmatan perpustakaan bagi kelangsungan perpustakaan dan universiti sempena Amanat Ketua Pustakawan, 24hb Januari 2017. Antara intipati amanat beliau merangkumi:

- Mengukuhkan pembudayaan ilmu serta jaringan kerja bersinergi di antara perpustakaan, komuniti UTM dan pihak luar
- Menyokong pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) melalui *MOOCs*, *Heutagogy (self-determined learning)*, *co-curators of knowledge*, *Translational Research*, *artificial intelligence* dan *big data*, seterusnya menjayakan Pustakawan sebagai saintis data
- Merekayasa model pendidikan tinggi, menjayakan nilai dan DNA UTM, Menjayakan Pelan Strategik UTM 2017 dan PGU 2012-2022 serta penjana kewangan sendiri
- Kekinian koleksi untuk program STEM dan pelajar antarabangsa

Beliau juga berharap agar warga kerja Perpustakaan terus beriltizam melaksanakan pekerjaan serta sentiasa sukses mencapai keberhasilan institusi secara menyeluruh.



### Highlights:

- *Customer Feedback System*
- *Knowledge Sharing*
- *Meningkatkan Mutu Perkhidmatan*
- *Student's Writing*
- *Library's Resourcefulness*
- *JB & KL News*
- *Green Office Initiative*



## Editor's Preface

### 2017 Resolutions and The Library's Dedication

*" Behind every Google search, there is a trace of a librarian's skill and wisdom, an intrinsic complex map that provides the key to your queries but hidden from your view "*

We hope the year of 2017 brings everyone an auspicious and success stories to each effort you put your mind into.

In this issue, the library would like to highlight our determinations towards positioning better services to our patrons and community as well. Thus, in the pursuit of service excellence, this year, the Library aims to redesign the service's usefulness to keep up with current changes to fulfill patrons' needs and demands.

Allow the Library to inspire your learning voyage and keep us updated.

**If the reader doesn't defend the interests of the library, who will?**

- Pleasant Reading -

## Library's Customer Feedback System

To improve the Library's services and customer retention, the Library values users' feedback through several mechanisms :

- ✓ Annual Customer Satisfaction Index (CSI) Survey
- ✓ Library Service Feedback form (available at Research Support Consultation Desk)
- ✓ Representative from all faculties at Library Senate Meeting
- ✓ Library liaison officer for every Faculty
- ✓ Research Support Consultation Desk
- ✓ Enquiry Desk
- ✓ Emails via [library@utm.my](mailto:library@utm.my), [lib-enquiryjb@utm.my](mailto:lib-enquiryjb@utm.my) or [lib-enquirykl@utm.my](mailto:lib-enquirykl@utm.my).
- ✓ Facebook page : <https://www.facebook.com/perpustakaanultanahzanariah/>
- ✓ User Education Class – through evaluation form distributed to students at the end of class

## Editorial

### Patron:

Dr. Hajjah Kamariah binti Nor Mohd Desa

### Editor-in-Chief:

Noraziah Sharuddin / Zaleha Atan

### Editor:

Siti Nisrin M Anis

### Editorial Team:

Norhafiza Daud Kaiyin, Syazwani Syamimi M. Pauzi, Fakhrul Zaman Sambas, M. Fuad Yusof, Liza Porijo, Zafarina Dol/ Norsyuhada Shafie, Haslina Husin, Hamizah Sumin, Syahranah Ahmad Raqi, Nik Masriza Zakaria, Noor Ayesha M Ezanee, Nurull Huda A Wahid, Sarasyima A Salleh, Khairun Nadzrah Khalid

### Circulation:

Khalid Yusoff, Faridah Patoni, Faizal Fadzil

### Photography:

Wan Jamal Mohd Arif

**Buletin Perpustakaan is published quarterly in print and online.**

Copyright©2017

Telephone : +607-5531140

Email: [nisrin@utm.my](mailto:nisrin@utm.my)

: [library@utm.my](mailto:library@utm.my)

Printed by: Fxsigma Technology



Karya seni cangting 'Batik Jalinan Alam' mahasiswa FAB, 22 Dis 2016 sehingga 15 Feb 2017.

Lokasi : Galeri Terbuka PSZ



## Knowledge Sharing Activities

### 'Acupressure' untuk Peningkatan Prestasi Murid, Pelajar dan Orang Dewasa

Prof. Ir. Dr. Hasanan Md. Nor (FKA), 24 Januari 2017



Selain akupunktur, Prof. Dr. Hasanan mengesyorkan '**acupressure**' sebagai salah satu terapi alternatif anggota badan. Ianya hanya menggunakan tekanan melalui jari-jemari dan boleh dilakukan sendiri oleh pesakit. Terapi 'zero cost' ini dapat melegakan ketegangan, stress, meningkatkan kecergasan dan fokus serta terapi mudah kecantikan. Terdapat lebih 400 titik *acupoint* yang boleh dipelajari. Tiga cara tekanan, iaitu tekan dengan jari, tekan dan uli (*clockwise / anti clockwise*) serta tekan dan urut (*forward / backward*) telah dikongsi. Slaid boleh diperolehi dari Unit Promosi & Alumni, Perpustakaan UTM JB.

### Komunikasi yang Efektif Pemacu Perkhidmatan Cemerlang, Dr. Nor Ain binti Husein, 8 Februari 2017

Presiden Kelab Toastmaster UTM berkongsi tips komunikasi yang efektif melalui formula iaitu:

**Susun → Sampai → Serlah.**

Komunikasi dimulakan dengan pernyataan atau merujuk kepada minat rakan komunikasi. Kemudian, cuba kaitkan dengan perkara utama yang mahu disampaikan dan akhir sekali serlahkan perkara utama tersebut. Penggunaan tulisan, ucapan serta menjadi pendengar yang baik turut memainkan peranan yang penting untuk menjayakan sesuatu komunikasi.



### Bicara Karya : Sek. Agama Penjana Generasi Berakhlak

Dr. Kamarul Azmi Jasmi (FTI), 21 Mac 2017



Berlatarbelakangkan 15 Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) Johor, dapatan kajian menunjukkan bahawa peranan yang dimainkan oleh SMAR sangat signifikan kepada pembangunan akhlak pelajar dan masyarakat di negeri Johor.

Merupakan hasil kajian PhD Dr. Kamarul yang menyeluruh mengenai peranan sekolah-sekolah agama di Johor. Salah satu impak besar institusi ini ialah didapati kurang berlaku penceraian di kalangan pasangan yang tamat darjah 6 sekolah agama Johor. Anak-anak Johor diwajibkan mengikuti sekolah agama sebagaimana yang termaktub dalam Undang-undang Kerajaan Johor. Justeru, Kerajaan Johor sangat menitikberatkan dan menaungi sekolah-sekolah agama dalam negeri ini. Kategori sekolah agama di Johor terbahagi kepada Sekolah Menengah Agama Negeri (SAN), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), sekolah agama umum (pagi dan petang), serta sekolah agama swasta. Ianya di kendalikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), serta institusi agama swasta.



**Berminat ? Rakaman boleh ditonton melalui Unit Pengurusan & Pembangunan Multimedia, Perpustakaan (Bangunan PSZ UTM JB)**



## Meningkatkan Mutu Perkhidmatan : Latihan dalam Pekerjaan

### Latihan Asas Konservasi Artifak : *perkongsian pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pemuziuman*



Kerja-kerja konservasi artifak dan kepentingannya, anjuran Bahagian Pembangunan Galerium telah dikendalikan oleh En Fakhru Zaman Mohamad Sambas, Penolong Kurator dan dibantu oleh En Khalid Jaafar, Pembantu Pustakawan Kanan, pada 21-22 Mac 2017. Tutorial diadakan di Bilik Seminar 1 dan amali di kawasan parkir perpustakaan. Seramai 19 orang peserta telah mengikuti tutorial berkenaan. Selain daripada memupuk minat terhadap kerja-kerja konservasi, ianya juga bertujuan mengasah bakat dan melatih pelapis baru untuk menyokong usaha berkenaan.

### **Refresher Course:** **Cataloguing & RDA pada 27** **Mac 2017 di MPM1, PSZ**


BKHP telah menganjurkan latihan semula pengkatalogan dengan menambah elemen *Resource Description Access (RDA)* dalam proses pengkatalogan bahan, melalui aktiviti menginput data di *Workflows : Cataloguing Module Perpustakaan*.

### **Latihan Tatacara Lawatan Berpandu**

Panduan tatacara lawatan bertujuan untuk menambahbaik kemahiran staf dalam mengendalikan acara lawatan dan pameran di Perpustakaan (PSZ).



### **Karya 'Kami Lukis Apa yang Kami Suka',** Sek. Kebangsaan Taman Universiti 1




*Continuous learning and improvement* dalam bidang kerja di BKHP telah menjadi elemen penting untuk memenuhi keperluan pengguna Perpustakaan UTM serta memastikan peranan Perpustakaan UTM terus relevan sebagai gedung ilmu yang terus melangkaui sempadan dunia di hujung jari !



Taklimat dan demonstrasi lawatan disampaikan oleh Encik Fakhru Zaman Mohamad, Puan Syazwani Syamimi Mat Pauzi dan Encik Khalid Jaafar, pada 8 Februari 2017

Kolaborasi 33 hasil karya lukisan guru dan murid, bermula 16 Februari - 30 April 2017 di Galeri Terbuka, Bangunan PSZ dan PRZS



**Workshop : Publish or Flourish! @ Information Searching Lab, Level 3,  
Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM JB.**

Presenter : Dr. See Diu Seng, Clarivate Analytics

Writers :

Athirah Zulkarnain, Alia Husna Mohd Noor, Amira Fadina Ahmad Fadzil and Nur Hidayah Zaid  
athirah.zulkarnain91@gmail.com, mylife\_syafia@yahoo.com, amirafadinaahmadfadzil@yahoo.com,  
edayahzaid@yahoo.com

**Summary :** The aim of this workshop is to assist students in finding, reading and publishing articles in High Impact Journals. Let's hear the students' thought about the workshop.

## OBJECTIVES

- To learn more about Web of Science website.
- To search for hot papers and highly cited papers.
- To know the use of a researcher ID.
- To analyse the literature to understand scholarly trends.
- To know where to publish for maximum impact.
- To find impactful journals

**Amira Fadina Mohd Fadil**

## IMPORTANT FACTS

*What is Journal Impact Factor (JIF) ?*

- JIF provides information of journal's performance throughout years.
- JIF measurement is associated with the impact of the article and its review
- Different subjects have different JIF because the impact factor are subject dependent

**Athirah Zulkarnain >**

To choose a journal, we need to consider both the impact factor and Q –ranking. This is because some papers have high impact factor but low Q-ranking.

**< Alia Husna Mohd Nor >**

## ORCHID

A digital identifier through a series of numbers to distinguish a researcher from one another.

Athirah Zulkarnain

## JIF FORMULA

$IF_{2016} = \frac{\text{the number of all items published in 2014 and 2015}}{\text{Articles and reviews published in 2014 and 2015}}$



## RIDDLE

Imagine looking at sand, stars and journals on the sky. What are their similarities?

**Answer :** All are uncountable !

**< NurHidayah Zaid >**



## Lokasi Baru Perpustakaan FKE 13 Mac 2017

Perpustakaan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berpindah ke bangunan baru iaitu dari blok P06 ke blok P02 pada 21-23 Feb 2017. Ianya diselia oleh Encik Abd. Rahman Ali selaku Pembantu Pustakawan. Perpustakaan FKE telah memulakan operasinya di bangunan baru pada 13 Feb 2017 yang lalu. Perpindahan sebanyak 15,000 naskah tesis dan 1000 naskah buku telah digembeling bersama oleh staf BPMP, staf USRS dan staf Perpustakaan Fakulti yang lain. Semoga perkhidmatan PF FKE lebih mantap dan efisien di lokasi baru.



**“Ilmu itu bukan untuk dihafal, tetapi untuk memberi manfaat “**  
~ Imam Syafi'ie ~

## Audit Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2016, UTM

Audit Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP/UTM) adalah bertujuan untuk menyediakan suasana kerja yang selamat dan sihat kepada staf, pelajar dan pihak yang berurusan dengan UTM. 14 Februari 2016 (Selasa), jam 2.30 petang, Perpustakaan telah dilawati oleh pasukan Audit AKKP, untuk mengaudit bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTMJB. Diketuai oleh PM. Dr. Suhairul Hashim bersama 6 orang panel, Encik Mohd Alias Tohiran (wakil Perpustakaan), membentangkan slaid pengurusan Kesihatan & Pekerjaan (KKP) Perpustakaan UTM, carta organisasi KKP dan jadual Perancangan program tahun 2017. Hasil dapatan audit memaklumkan beberapa ketidakakuran yang melibatkan kerosakan pada sistem elektronik pintu utama, sillings bangunan berkulat, dasar/polisi yang tidak dikemaskini serta tiada cara penggunaan alat pemadam api.

## Pembangunan Video Keunggulan Terbilang

Lima orang staf UTM telah diberikan penghormatan dalam penghasilan video ini. Mereka terdiri daripada Encik Mohd Fuad Bin Mohamed Yusof, Encik Wan Jamal Bin Mohd Ariff dan Encik Saharuddin Bin Hassan (Perpustakaan UTM) manakala dua yang lain Encik Supandi Bin Bunangin daripada CTL dan Encik Mohamad Faris Bin Ahmad daripada HEK KL.



Video Keunggulan Terbilang, siap pada 22 Oktober 2016



## Penjimatan Menerusi Kreativiti : Inisiatif Unit Konservasi Galerium



Menyedari kekangan kewangan perlu dihadapi dengan bijak, Unit Konservasi Galerium mengambil inisiatif menggunakan sumber sedia ada dan diolah semula agar bermanfaat untuk aktiviti pameran. Poster merupakan medium yang lazim digunakan dalam pameran. Pengayaan poster lebih menarik jika ia dibingkaikan agar kelihatan kemas dan selamat pada tempatnya. Bak kata pepatah Melayu *'tiada rotan, akar pun berguna juga'*, bermula Mac 2017 Unit Konservasi menjalankan gerak kerja mengolah semula kepingan akrilik pelbagai saiz bagi tujuan mempamer poster tanpa bingkai di dalam pameran yang di adakan dari masa ke semasa. Hasil akhir sungguh memuaskan dan aktiviti bakal diteruskan dari masa ke semasa.



Hasil akhir olahan akrilik



Kepingan akrilik dipotong dan dibersihkan

### Roadshow to faculties

Fakulti Biosains dan  
Kejuruteraan  
Perubatan  
22 Februari 2017  
9.00 pagi – 12.00 tgh



Petugas: Puan Liza Porijo  
(UPMSP), Encik Alias Ahmad  
(UPMSP), Encik Mohamad Nabil  
Jainal (BPMP),  
Encik Noor Amirul Amin (USK) &  
Puan Nurul Shafika Hassan (USK)

Fakulti Tamadun Islam  
2 Mac 2017  
9.00 pagi -12.00 tgh



Petugas: Puan Liza Porijo  
(UPMSP), Encik Alias Ahmad  
(UPMSP), Cik Nur Amirah Mohd  
Ali (BPMP),  
Encik Zul Izuan Hanafiah (USK)  
& Encik Ahmad Nurul Fahmi Bin  
Mohammad Zajuli (USK)

Fakulti Pengurusan  
29 Mac 20017  
9.00 pagi- 12.00 tgh



Petugas: Puan Liza Porijo  
(UPMSP), Encik Farhan  
Yuskelana (UPMSP), Encik  
Mohammad Nabil Jainal  
(BPMP), Cik Yanti Mohd Shah  
(USK) & Encik Azrulnizam Zainal  
(USK)

**" The best way to predict your future, is to create it "**  
- Abraham Lincoln -

## **UTM-NICE Jelebu UTMRS – Pasoh, University Social Responsibility, 18-19 Januari 2017**

Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Kuala Lumpur telah terlibat dengan Program USR Jelebu bersama pejabat HEMA, CCIN, Pejabat Pendaftar dan CICT. Dua buah sekolah terlibat iaitu Sekolah Kebangsaan Pasoh 1 dan Sekolah Kebangsaan Pasoh 4.



Dua inisiatif telah dilaksanakan iaitu mewujudkan UTM Reading Station (UTMRS) dan Program Literasi Maklumat kepada 63 orang pengawas Pusat Sumber dan murid darjah 6 yang akan menduduki peperiksaan UPSR. Pro-Naib Canselor (Pengarah Kampus) UTMKL telah merasmikan UTM RS di sekolah-sekolah yang terlibat.

### **Buku Sumbangan YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, 31 Januari 2017**

Mantan Naib Canselor UTM, YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang telah bermurah hati menyumbang buku koleksi peribadi beliau sebanyak 500 naskhah kepada Perpustakaan UTM KL. Koleksi berkenaan telah diambil daripada kediaman beliau di Bangi Lakehill Villas.



Perpustakaan merancang untuk membangunkan satu sudut khas untuk koleksi Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang. Justeru itu, bahan yang diterima mengukuhkan lagi sumber rujukan komuniti UTM.

### **Taklimat Pelajar Baru Pasca Ijazah, Februari 2017, Semester II 2016/2017**



Wakil Perpustakaan UTM Kuala Lumpur, Puan Noor Ayesha Mohd Ezanee dan Puan Nurrull Huda Abdul Wahid telah diundang untuk memberi taklimat kepada 200 orang pelajar baru Semester II 2016/2017, pada 11 dan 12 Februari 2017.







UTMKL Library has organised a "LIBRARY INFO DAY" to all UTM community, on 23 February 2017 (Thursday). The activities include :

- Info Desk Library, (9.00 am to 3.00 pm). This activity is meant for inquiries related to the library, post-graduate membership registration, Wiley online quiz, etc.
- Library and Digital World (11.00 am to 12.00 pm) , a walk-in class for everyone and,
- K-Sharing Session (2.30 pm to 4.30 pm): Getting Confidence through Public Speaking by Dr. Ismail Abdul Rahman (IBS)



### Program Kesedaran Pelestarian Dan Keselamatan Perpustakaan UTM Kuala Lumpur



Sebelum

Program ini bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi meningkatkan mutu kerja di kalangan staf perpustakaan di samping memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna perpustakaan dalam menyediakan ruang pengajaran dan pembelajaran yang bersih dan selesa.



Selepas

Program pada 1 dan 2 Mac 2017 ini bermula dari jam 8.30 pagi hingga jam 4.30 petang, melibatkan aktiviti pembersihan, pelestarian, pelupusan dan pengemaskinian di keseluruhan ruang Perpustakaan dari aras 1 hingga aras 4.

### Lokasi Baru Perpustakaan CASIS



Stor Alatulls

Pada 1 Mac 2017, sudut Perpustakaan CASIS yang sebelum ini berada di aras 2 Perpustakaan UTM KL telah dipindahkan ke aras 1. Lokasi ruang yang strategik memudahkan pelajar dan Pensyarah CASIS merujuk dan menggunakan bahan tersebut dengan lebih efektif dan efisien.




### Friends of UTM Library Kuala Lumpur (FOLY)



Penyerahan surat lantikan Friends of UTM Library telah diadakan pada Jumaat 17 Februari 2017 kepada Muhammad Izzaire Hassan, Muhammad Ikhwan Hadi Mustafa, Muhammad Mirza Mustafa, Nureen Ilyana Mohd Sariff , Hamira Hassan Yudu, Nurul Syahirah Suzulli dan Muhammad **Fadzil Mat** Isa. Semoga lantikan ini menyuntik semangat kerbersamaan di antara pelajar dan **Perpustakaan** di masa akan datang.



UTMKL Library has organised a research talk entitled **'Increase Research Visibility: How to be Cited in Scopus & Web of Science'** on 16 March 2017, held in Seminar Hall, Menara Razak, UTM Kuala Lumpur. The presenter, Dr. Wong Woei Fuh is a consultant from Education & Research for iGroup Asia Pacific, with nine years of experience in the information industry. Approximately 25 students and lecturers participated in the session. The Q & A was a fruitful event and provides insights related to publications and research.



On 28 March 2017 (Tuesday), UTMKL Library has collaborated with Clarivate Analytics to conduct a publication workshop entitled, **'Web of Science & High Impact Journals'**, at Computer Lab level 15, Menara Razak UTMKL. The objective of this workshop was to instill smart searching for high impact and relevant literature as well as to provide knowledge of where to publish for maximum impact and exposure. The workshop received an overwhelming response from students and researchers. This workshop was conducted by Dr. See Diu Seng, a Solution Consultant specialising in Scientific & Scholarly Research at Thomson Reuters.

### Program K-Sharing : Bicara Pentadbir

Perpustakaan bersama PERTISAS telah menganjurkan program ulasan buku hasil tulisan YBhg. Datuk Naib Canselor UTM 'Menjayakan Kelangsungan Sebuah Universiti'. Ulasan setiap bab disampaikan oleh pegawai kanan pelbagai jabatan. Perpustakaan telah mewakili Puan Sh. Ezathul Imma binti Syed Zainal Abidin selaku Pustakawan Kanan (SA44) dan beliau telah mengulas bab 5.

Program ini mendapat sambutan daripada staf UTMKL yang berminat untuk mengetahui tentang amanat Datuk Naib Canselor serta menambahkan ilmu pengetahuan.



# UTM Library Supports Green Office initiative


## What is Green Office ?

A practical environmental management system for **offices**. It helps to reduce the ecological footprint and greenhouse gas emissions of **offices**.

## The Initiative

UTM through Sustainable Campus Unit, has launched campaigns to engage staff, faculties and students in a self-guided initiative to promote best environmental practices in campus. Car free day, waste recycle and offices energy saving were some of the campaigns being carried out throughout the year.

## Four Ways to Green Your Office Environment



"The natural environment sustains the life of all beings universally"  
-Dalai Lama-



## Selamat Menempuh Alam Persaraan

### Timbalan Ketua Pustakawan

Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan dan Pembangunan), Tuan Haji Anuar bin Talib telah memilih untuk bersara pilihan pada 1 Januari 2017 setelah menabur bakti selama 32 tahun. Tuan Haji Anuar telah memulakan karier di UTM sejak 1 September 1985. Beliau merupakan ketua yang kaya maklumat dan pengalaman, memimpin dengan dedikasi, seorang penasihat serta pendengar yang baik.

**Tuan Haji Anuar  
bin Talib**



Bak kata pepatah, 'patah tumbuh hilang berganti, namun yang baru tak serupa dengan yang asli'. Justeru, Perpustakaan berterima kasih di atas segala jasa dan bakti yang telah dicurahkan. Selamat menempuh alam persaraan dan semoga sentiasa sukses dalam perjalanan kehidupan yang mendatang.

### Pembantu Pustakawan

Pembantu Pustakawan, Encik Ramli bin Latif turut memilih untuk bersara pilihan pada 1 Februari 2017. Beliau telah berkhidmat di UTM bermula tahun 1980 selama 37 tahun. Beliau adalah di antara generasi staf terawal yang bersama-sama berpindah dari UTM Kuala Lumpur ke UTM Johor Bahru pada tahun 1989.

Encik Ramli Latif merupakan staf yang ceria, komited dan mudah mesra dengan semua peringkat termasuklah staf luar dan pengguna. Perpustakaan mengucapkan selamat bersara buat beliau dan moga dikurniai kesihatan yang baik dan bahagia di samping keluarga.

**Encik Ramli bin Latif**



## Staf Baharu Melapor Diri

### Pustakawan Baharu

**Encik Mohd. Syafiq Firdaus bin Mohd. Nazir,  
12 Februari 2017**



**'READING maketh a full man . conference a READY man  
and writing An exact MAN ' – Francis Bacon -**